

Usaha KPDN pastikan setiap ringgit subsidi dikembalikan kepada rakyat



Oleh Prof Dr Rusdi Omar
bhrencana@bh.com.my

Dekan di Pusat Pengajian Siswazah Kerajaan Ghazali Shafie (GSGSG), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika Pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan (2025) atau Belanjawan 2025 turut memetik kenyataan negarawan Rom, Marcus Tullius Cicero, "Kemakmuran menuntut kita untuk lebih berhati-hati dan bersederhana berbanding kesulitan."

Ini mengingatkan kita mesti berhemah dalam soal perbelanjaan dan memahami keperluan pengurusan serta lebih bertanggungjawab, sekali gus mengelak pembaziran dan ketirisan dengan gigih.

Beliau turut menekankan ketika mengambil alih pentadbiran negara, Kerajaan MADANI menetapkan hala tuju jelas bahawa ketelanjuran tidak boleh diteruskan dan dipertahankan, manakala prinsip tatakelola baik mesti disemarakkan.

Perdana Menteri mengungkapkan kata-kata Konfucius dalam *The Analects*, "Jika berlaku kesilapan dan tidak memperbetulkannya, maka itulah kesilapan sebenar."

Kita sudah melakukan kesilapan selama ini dengan memberikan subsidi pukal membawa kepada terlalu banyak manipulasi dan ketirisan.

Dalam usaha menangani manipulasi dan ketirisan serta memastikan subsidi disalurkan sampai kepada golongan layak, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memikul tanggungjawab berat serta mengambil pelbagai langkah proaktif.

Ini selaras penegasan Kerajaan MADANI memastikan pengurusan subsidi lebih cekap dan mengelakkan ketirisan kepada golongan 'maha kaya' serta pihak tidak layak.

Malah, Perdana Menteri turut mengumumkan penguatkuasaan penyasaran subsidi diesel terbuka mengekang ketirisan akibat penyeludupan dan penggunaan sektor perniagaan tidak layak.

Jualan diesel bersubsidi menurun 30 peratus dengan penjimatan lebih RM600 juta sebulan dan sehingga RM4 bilion setahun meskipun subsidi masih disediakan untuk pengangkutan awam, nelayan dan sektor logistik.

Dana RM600 banteras penyeludupan, ketirisan

Penghargaan Perdana Menteri terhadap warga KPDN juga disebut dalam Belanjawan 2025 apabila kementerian itu dan kastam disediakan peruntukan RM60 juta untuk membanteras ketirisan dan penyeludupan.

Ini disebabkan kejayaan KPDN dan kastam menumpaskan sindiket penyeludupan hasil mencecah hampir RM2 bilion sejak 2022 hingga September lalu.

Memang banyak usaha dilakukan KPDN melaksanakan OPS Tiris 3.0 untuk membanteras aktiviti penyelewengan dan ketirisan barang kawalan serta bersubsidi meliputi bahan api diesel, petrol RON95, minyak masak bungkusan polibeg 1 kilogram, gas petroleum cecair (LPG), tepung gandum dan gula putih bertapis satu kilogram.

Berdasarkan statistik penguatkuasaan bermula 1 Januari hingga 10 September 2024, sebanyak 30,846 pemeriksaan dilakukan di seluruh negara dengan 2,083 kes dihasilkan dan jumlah nilai rampasan keseluruhan RM80.73 juta. Seramai 511 individu ditahan.

Pengiktirafan terhadap kerja keras warga KPDN terserlah dengan keputusan mengadakan perjumpaan khas dan amanat secara langsung kepada jentera penguatkuasaannya.

Lebih membanggakan sejak Bahagian Penguat Kuasa KPDN ditubuhkan pada 1972, inilah kali

pertama Perdana Menteri hadir dalam satu sesi amanat khusus bersama warga penguat kuasa KPDN menunjukkan harapan tinggi kerajaan.

Terbaharu, inisiatif KPDN Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan (KITA GEMPUR) dilancarkan pada Program MADANI Rakyat 2024 di Kota Kinabalu untuk memerangi manipulasi dan ketirisan.

Menurut menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, KITA GEMPUR membabitkan empat sektor penting, iaitu K untuk agensi kerajaan; pemain industri (I); tatakelola (T) dan partisipasi awam (A).

"Kerajaan menekankan aspek pematuhan aktiviti perniagaan dengan kod etika dan perundangan seperti penipuan dalam promosi serta e-dagang, selain menangani isu kartel boleh mengganggu harga barangan serta perkhidmatan untuk rakyat di pasaran," katanya.

Pelancaran dibuat sejurus selepas Belanjawan 2025 menunjukkan komitmen tinggi KPDN menangani isu manipulasi dan ketirisan pemberian subsidi.

Seperti disebutkan, penyasaran subsidi akan diperluas kepada RON95, sekali gus menurunkan 40 peratus perbelanjaan subsidi dan menjimatkan hampir RM8 bilion yang akan dikembalikan kepada rakyat melalui peningkatan kemudahan pendidikan, kesihatan dan pengangkutan awam.

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan, KPDN menerusi KITA GEMPUR turut memperkenalkan saluran aduan melalui platform digital seperti aplikasi WhatsApp, talian hotline 24 jam serta kod QR boleh diimbas di premis perniagaan dan stesen minyak.

Melalui usaha bersepadu, Kerajaan MADANI berjaya membawa perubahan signifikan dalam pengurusan subsidi negara. Harapan tinggi diletakkan kepada warga KPDN terus memperkasakan penguatkuasaan dan memastikan setiap ringgit subsidi digunakan untuk kepentingan rakyat.